

K-ekonomi melibatkan setiap lapisan rakyat termasuk nelayan

PM: Pelan siap 18 bulan

UM - 9 MAR 2000

Oleh ISMAIL DAUD
dan ROSNI HASSAN

KUALA LUMPUR 8 Mac — Pelan Induk Ekonomi-Pengetahuan (k-ekonomi), yang akan membawa Malaysia beralih dari ekonomi berasaskan pengeluaran seperti sekarang, dijangka siap dalam masa 18 bulan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, proses merangka pelan berkenaan dimulakan sejajar dengan Belanjawan 2000 baru-baru ini yang menghendaki satu peralihan paradigma ke atas ekonomi negara.

Menurut beliau, melalui peralihan kepada k-ekonomi, kandungan pengetahuan dan sumbangan ilmu terhadap ekonomi akan mengalami lonjakan hebat.

“Proses keseluruhan (kepada peralihan itu) melibatkan perundingan, percampahan fikiran, merangka dan penggemblengan tenaga akan mengambil masa 18 bulan dari sekarang,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Pengetahuan Global Kedua (GKII) di sini hari ini.

Lebih 1,300 peserta dari 120 buah negara menghadiri persidangan selama empat hari itu.

K-ekonomi merupakan pendekatan yang menggunakan pengetahuan dan maklumat untuk meningkatkan aktiviti ekonomi seperti pengeluaran barangan, penyelidikan dan pemasaran.

Pendekatan

Menurut Dr. Mahathir, sebagai langkah awal ke arah merealisasikan k-ekonomi, Pelan Strategik Kebangsaan akan disiapkan September ini dan semua pendekatan utamanya akan dibentangkan dalam pembentangan Belanjawan 2001, Oktober depan.

Selepas itu, jelas beliau, beberapa siri tindakan yang jitu dalam semua pendekatan utama pelan strategi kebangsaan itu akan dimulakan dan proses ini dijangka mengambil masa setahun.

Perdana Menteri berkata, Pelan Induk K-Ekonomi itu bukan digubal oleh mereka yang terbaik dan yang paling cerdik atau di sebalik pintu tertutup tetapi ia dirangka melalui penggemblengan tenaga seluruh rakyat Malaysia.

“Ia bukan satu proses elit tetapi melibatkan setiap lapisan rakyat Malaysia daripada guru dan anak muridnya, kepada bapanya seorang nelayan dan kepada ibunya seorang suri rumah.

“Kepada seorang pemandu bas sekolah, kepada mekanik bas tersebut dan kepada jurutera yang mereka bentuk bas berkenaan, seterusnya kepada usahawan yang memiliki syarikat bas itu, kepada setiausahanya dan juga kepada ahli lembaga pengarah syarikat,” katanya.

■ Lihat muka 4

PM: Pelan siap 18 bulan

UM - 9 MAR 2000

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menggesa semua rakyat Malaysia termasuk generasi muda Wawasan 2020 supaya melibatkan diri dalam proses merangka Pelan Induk K-Ekonomi tersebut.

Katanya, kerajaan mahukan pelan induk itu bukan sahaja menjadi satu pelan induk untuk negara tetapi juga dianggap sebagai pelan induk peribadi untuk setiap rakyat negara ini.

"Ia mesti dipunyai dan dimiliki oleh setiap rakyat Malaysia. Itu sebabnya dalam proses merangka pelan induk itu semua lapisan masyarakat perlu terlibat."

"Sebelum kita mencapai kata muktamad, seribu buah fikiran dan pandangan perlu diberikan," tegasnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia kini sudah bersedia untuk memulakan langkah kedua dalam Era Maklumat selepas berjaya dalam langkah pertama iaitu melalui pengenalan Wawasan 2020.

Katanya, Malaysia kini bersedia untuk membuat lonjakan hebat dan komited yang akan membuatkan syarikat-syarikat di negara ini membina semula masyarakat Malaysia.

"Langkah kedua ini dipanggil "Inisiatif Strategik Satu" untuk abad ke-21," katanya.

Beliau berkata, inisiatif strategik itu tidak bermakna Malaysia akan mengabaikan bidang perindustrian kerana bidang tersebut menyumbang lebih 37 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KD-NK) dan 30 peratus kadar pekerjaan negara.

Perdana Menteri berkata, Malaysia adalah antara negara yang paling mementingkan sektor perindustriannya dan tidak mungkin Malaysia meninggalkan bidang tersebut walaupun dalam apa keadaan sekalipun.

Bertaraf dunia

"Negara ini juga adalah antara ekonomi yang paling terbuka di dunia. Kita hidup dan mati dengan perdagangan," tegasnya.

Dr. Mahathir juga mahukan mutu perindustrian ditingkatkan dengan segera, memastikan nilai ditambah tempatan yang lebih tinggi, memastikan setiap sektor ekonomi bertaraf dunia dan mampu bersaing di peringkat global.

Beliau berkata, untuk menghadapi era maklumat dan k-ekonomi, negara perlu membentuk Sistem Media Kebangsaan yang elemen utamanya ialah Internet dan inovasi dalam bidang teknologi maklumat.

"Tetapi perlu saya tekankan di sini bahawa akhbar, majalah, buku, televisyen dan radio akan terus kekal penting dalam era baru tersebut," katanya.

Katanya, Malaysia juga perlu mensasarkan rakyatnya 100 peratus celik teknologi maklumat dan memahirkan diri dalam penguasaan bahasa asing.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, masanya sudah hampir tiba untuk negara menetapkan sasaran bagi mengurangkan jumlah pekerja asing di negara ini sebanyak 100,000 setahun dan jumlah pekerja tidak mahir dan berpengetahuan rendah sebanyak 95,000 setahun.

Pada masa yang sama, katanya, sasaran sebanyak 5,000 pekerja luar biasa sama ada dari segi bakat, kreativiti, pengetahuan, kemahiran, rangkaian dan kemampuan perlu dicapai.